



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000
Faks: 03 – 8891 5557
Laman Web: www.kpkt.gov.my
Emel: pro@kpkt.gov.my
Twitter: www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook: www.facebook.com/KPKTMalaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 KLT. 45 (112)
Tarikh : 3 Mac 2016

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN NAHI KEWUJUDAN SKIM KEDIAMAN 1 MALAYSIA MAMPU MILIK (K1MMM) OLEH SERATA PRIMA SDN BHD

Putrajaya, 3 Mac – Sejak kebelakangan ini, banyak pertanyaan diterima oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengenai skim **Program Kediaman 1 Malaysia Mampu Milik (K1MMM)** yang ditawarkan oleh **Serata Prima Sdn. Bhd.** Ingin ditegaskan disini bahawa KPKT melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) tidak pernah menawarkan skim tersebut kepada orang awam.

2. Skim palsu ini ditawarkan oleh Syarikat Serata Prima Sdn Bhd dengan menggunakan logo KPKT, logo JPN dan logo Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome) yang diuruskan oleh JPN.

3. “Jabatan Perumahan Negara ingin menegaskan bahawa Jabatan ini tidak pernah memberi sebarang kelulusan kepada mana-mana syarikat atau agensi untuk menjadi orang tengah dalam permohonan dan pelaksanaan Program MyHome. Pihak JPN telah membuat satu laporan polis mengenai perkara tersebut pada 2 Mac 2016 (Rabu), bertempat di Balai Polis Presint 7, Putrajaya” menurut Ketua Pengarah JPN, YBhg. Datuk Mohammad Yusoff bin Ghazali.

4. Sehubung itu, Ketua Pengarah JPN juga meminta orang ramai agar memberi maklumat dan melaporkan kepada JPN sekiranya menemui mana-mana tawaran skim perumahan yang meragukan.

5. Orang awam dan bakal pembeli rumah juga boleh menyemak kesahihan berkenaan insentif atau skim perumahan yang dikeluarkan oleh mana-mana pemaju perumahan dengan melayari portal rasmi Jabatan Perumahan Negara iaitu <http://ehome.kpkt.gov.my> atau menghubungi Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Perumahan Negara di talian: 03 – 8000 8000.

Datuk Mohamad Yusoff bin Ghazali

Ketua Pengarah

Jabatan Perumahan Negara

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Putrajaya

3 Mac 2016

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semananjung Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan*

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my